

# Legasi keluarga perwira

■ Siswa UPNM tak sabar bergelar tentera laut

Oleh Fazurawati Che Lah  
fazurawati@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

“Disiplin yang diterapkan menyebabkan saya begitu meminati dunia tentera, tambahan pula saya dilahirkan dalam keluarga tentera.

“Rasa tidak sabar untuk memikul tugas berke-nanan dan berharap pengajian selama lima tahun di UPNM (Universiti Pertahanan Nasional Malaysia) akan memantapkan la-

gi asas ketenteraan saya,” kata pelajar asasi, Mohamad Fahmi Hamidun.

Mohamad Fahmi, 18, bersyukur terpilih menyambung pengajian di institut pengajian tinggi (IPT) itu kerana berada di laluan betul untuk merealisasikan hasrat bergelar tentera laut.

Menurut anak kelahiran Kulim, Kedah ini, dia meminati bidang ketenteraan ketika menyambung persekolahan di Maktab Tentera Diraja (MTD), Kem Sungai Besi di sini.

**FAKTA**  
546 pelajar terpilih mengikuti pengajian di UPNM



PELAJAR berkrar ketika minggu orientasi siswa sesi akademik 2014/2015 UPNM, semalam.

“Sejak berada di MTD saya menjadi lebih disiplin dan bersemangat memikul tugas. Malah, ayah yang juga pesara tentera banyak beri sokongan untuk mengikuti langkah beliau.

“Justeru saya tidak harus lepaskan peluang ini kerana

sudah mempunyai asas ketenteraan, cuma tinggal untuk menghabiskan pengajian sebelum melangkah ke alam pekerjaan,” katanya ditemui selepas Majlis Perasmian Minggu Orientasi Siswa (MOSIS) di UPNM, di sini, semalam.

Mohamad Fahmi yang akan memilih Asasi Kejuruteraan antara 546 pelajar yang terpilih untuk mengikuti pengajian di Pusat Asasi Pertahanan di UPNM, semalam.

Terdapat tiga program yang ditawarkan iaitu Asasi

Pengajian dan Pengurus Pertahanan, Asasi Kejuruteraan, Asasi Sains dan Teknologi Pertahanan dan Asasi Perubatan.

Majlis perasmian itu disempurnakan Naib Canselur UPNM Jeneral Tan Sri Zulkarnain Zainal Abidin.

FOTO: MOHAMAD SHAHRIL BADRI SA